

KOPERASI
UTM BERHAD

ATURAN KUMPULAN WANG PENDIDIKAN

KOPERASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERHAD

ATURAN KUMPULAN WANG PENDIDIKAN

Tajuk	1	<p>i. Aturan ini adalah dinamakan “Kumpulan Wang Pendidikan” Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.</p> <p>ii. Aturan ini diwujudkan dibawah Undang-Undang Kecil 45(2)(w) dan berkuatkuasa selepas persetujuan mesyuarat agung perwakilan koperasi ini.</p>
Tafsiran	2	<p>Di dalam aturan ini, melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maknanya. Maka tafsiran berikut adalah dipakai:-</p> <p>“Koperasi” bermaksud Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.</p> <p>“Anggota” bermaksud anggota Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.</p> <p>“Waris” bagi anggota status berkahwin ialah suami/isteri/anak bagi anggota status bujang ialah ayah/ibu atau waris terdekat atau penama.</p> <p>“Lembaga” bermaksud Lembaga Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.</p>
Tujuan dan Kadar Derma / Sumbangan	3	<p>Kumpulan Wang Pendidikan ini diwujudkan adalah sebagai sumbangan penghargaan bagi anak anggota Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.</p>

Kadar yang boleh dibayar oleh Lembaga kepada sesuatu permohonan ini bergantung kepada kedudukan kes dan kewangan Kumpulan Wang Pendidikan ini , tetapi semua pembayaran tidaklah boleh melebihi had maksimum yang telah ditetapkan itu.

UPSR	5 A	RM 75.00
PMR dan setara	8 A	RM 100.00
SPM dan setara	7 A	RM 150.00
STPM		
dansetara	5 P	RM 200.00
DIPLOMA	3.5 ++	RM 300.00
	CGPA	
IJAZAH	3.5 ++	RM 400.00
	CGPA	

ii. Infak pendidikan kepada anggota koperasi dan keluarga dalam bentuk bantuan yang berkaitan dengan persekolahan dan pendidikan

Sumber Kewangan	4	Sumber kewangan Kumpulan Wang Pendidikan ini adalah daripada:- i. Tidak lebih 10% dari untung bersih teraudit koperasi dan; ii. Derma dan sumbangan yang diterima khas untuk Kumpulan Wang Kebajikan ini.
Pentadbiran Tabung	5	i. Kumpulan Wang Pendidikan ini hendaklah ditadbir atau diuruskan oleh Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Pendidikan yang dilantik oleh Lembaga koperasi ini di bawah Undang-Undang Kecil 45(2)(v). ii. Mereka yang diberi kuasa mengeluarkan wang oleh Undang-Undang Kecil koperasi adalah dengan sendirinya menjadi ahli Jawatankuasa Kecil ini.
Tahun Kewangan	6	Tahun Kewangan Kumpulan Wang Pendidikan hendaklah bermula pada 01hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.
Pelaburan	7	i. Lembaga Koperasi membenarkan melaburkan semua atau sebahagian daripada Kumpulan Wang Pendidikan ini di dalam mana-mana badan atau pertubuhan atau didalam apa-apa bentuk sekalipun tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 63 Koperasi. ii. Apa-apa perolehan dari pelaburan ini hendaklah di masukkan ke dalam Kumpulan Wang Pendidikan ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan tabung atau dilaburkan semula bagi menambah kewangan Kumpulan Wang Pendidikan ini.
Proses Permohonan	8	i. Borang permohonan beserta dokumen-dokumen yang mengesahkannya hendaklah diproses oleh Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Pendidikan ini. ii. Jawatankuasa Kecil ini hendaklah menentukan permohonan tersebut dibuat mengikut kehendak dan syarat-syarat dalam aturan ini sebelum diperakukan oleh Lembaga.
Pembayaran	9	Semua pembayaran hendaklah dibuat dengan cek. Bayaran hanya akan dibuat setelah Jawatankuasa Kumpulan Wang Pendidikan ini meluluskannya. Segala pembayaran hendaklah dibawa kepada mesyuarat Lembaga untuk disahkan.

Penggantungan Derma/ Sumbangan	10	<ul style="list-style-type: none"> i. Jika kedudukan Kumpulan Wang Pendidikan ini mengalami kesulitan kewangan, maka Lembaga hendaklah menggantung aktiviti-nya sehingga kesulitan kewangan itu dapat dipulihkan semula. ii. Anggota-anggota Koperasi hendaklah diberitahu melalui surat pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula Kumpulan Wang Pendidikan ini.
Makluman Kepada Mesyuarat Agung	11	Lembaga hendaklah membentangkan di dalam mesyuarat agung laporan-laporan mengenai aktiviti-aktiviti Kumpulan Wang Pendidikan ini serta membuat cadangan-cadangan bagi mengimprovasikannya.
Pertikaian	12	Jika terdapat isu yang berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran aturan-aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar mengikut Undang-Undang Kecil koperasi ini.


Aturan Kumpulan Wang Pendidikan ini telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Perwakilan pada 23 Jun 2013 bertempat di Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.



 HAJI MUSLIM BIN JONID
 Pengerusi



 NGATANAN BIN SARMAN
 Setiausaha



 HAJI ABDUL RASHID BIN ARIS
 Bendahari